

VOLUME III  
SERIES II  
OCTOBER 2022

arte

Art and Expression

ART + COMMUNITY

**EDUCATION**



© Unit Penerbitan UiTM Perak, 2022

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means; electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise; without permission on writing from the director of Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing in Publication Data

No eISSN: 2805-5071

Cover Design: Nur Muhammad Amin Bin Hashim Amir  
Typesetting : Syed Alwi Bin Syed Abu Bakar (Dr.)<sup>1</sup>  
Aznan Bin Omar (Dr.)<sup>2</sup>

# E

## Editorial Board

---

### **PATRON OF HONOR**

Professor Sr Dr Md Yusof Hamid AMP  
(Rector, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### **ADVISOR**

Dr Zainudin Md Nor  
(Head of the Faculty, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### **CHAIRMAN**

Dr Aznan Omar<sup>1</sup>  
(Curator, Al-Biruni Galeri, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)  
Dr Hamidi Hadi<sup>2</sup>  
(Program Coordinator, Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### **CHIEF EDITORS**

Dr Syed Alwi Syed Abu Bakar<sup>1</sup>  
(Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)  
Dr Aznan Omar<sup>2</sup>  
(Curator, Al-Biruni Galeri, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### **EDITORS**

Dr Hamidi Hadi  
Pn Noor A'yunni Muhamad  
Pn Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad  
En Noor Enfendi Desa  
Dr Azian Tahir  
En Mahizan Hijaz Mohammad  
Pn Nur Adibah Nadiyah Mohd Aripin  
En Muhammad Salehuddin Zakaria  
Pn Hairulnisak Merman  
En Anwar Fikri Abdullah  
En Nur Muhammad Amin Hashim Amir

### **SECRETARY**

Pn Noor A'yunni Muhamad<sup>1</sup>  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Pn Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad<sup>2</sup>  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### **TREASURER**

En Noor Enfendi Desa  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### **CHIEF PANEL REVIEW**

Dr Azian Tahir  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### **CHIEF TRANSLATOR**

En Mahizan Hijaz Mohammad  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### **CHIEF OF DOCUMENTATION**

Pn Nur Adibah Nadiyah Mohd Aripin  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### **LEAD PROMOTER**

En Muhammad Salehuddin Zakaria  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### **CHIEF OF TECHNICAL**

Pn Hairulnisak Merman<sup>1</sup>  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

En Anwar Fikri Abdullah<sup>2</sup>  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### **LEAD DESIGNER**

En Nur Muhammad Amin Hashim Amir  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### **COMMITTEE MEMBER**

Cik Afina Zalifah Zat Azeni  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

# SEMIOTIK PEIRCE DALAM PUISI KISAH HUJAN, BAGIMU NEGERI DAN KOTA II KARYA TULANGKATA (2020) DALAM KONTEKS UNSUR ALAM

a chapter by

MUHAMMAD ALIFF IKMAL BIN ALIASH

## Abstrak

Esei ini adalah reflektif interpretasi unsur alam yang terdapat dalam puisi Kisah Hujan, Bagimu Negeri dan Kota II di dalam buku SHA (2020) karya daripada Tulangkata melalui teori semiotik. Semiotik boleh dikaitkan dengan makna unsur alam yang terdapat di dalam karya kreatif yang boleh digambarkan melalui tanda dan petanda. Konsep semiotik Peirce disebut sebagai trikotomi, iaitu terdiri dari ikon, indeks, dan simbol. Ketiga-tiga puisi ini dipilih sebagai subjek kajian kerana ketiga-tiga puisi tersebut banyak menggunakan makna kiasan dan tersirat yang sesuai dikaji menggunakan teori semiotik dalam puisi Kisah Hujan, Bagimu Negeri dan Kota II. Analisis tekstual melalui kaedah kualitatif dengan menggunakan bahan-bahan bacaan ilmiah daripada perpustakaan memberi pendedahan kepada pembaca tentang unsur alam yang terdapat di dalam buku puisi SHA dari Tulangkata. Esei ini menghuraikan makna dan simbol unsur alam yang digunakan dalam puisi terpilih dari buku SHA karya Tulangkata mengikut tematik analisis supaya ia dapat membantu para pembaca buku puisi memahami dengan lebih mudah makna ikon, indeks dan simbol yang terdapat melalui isi kandungan dalam puisi Kisah Hujan, Bagimu Negeri dan Kota II berdasarkan tema yang dipilih.

## Pengenalan

Puisi adalah sejenis karya sastera yang diikat oleh irama, rima, dan penggubah puisi dan baris dengan pilihan kata yang indah. Menurut definisi Kamus Dewan (2005), puisi bermaksud karangan yang berbentuk sajak, syair, pantun, dan lain-lain. Terdapat banyak jenis dan bentuk puisi yang

berbeza, tetapi secara umum, makna dan definisi puisi adalah hampir sama untuk setiap ragam. Puisi juga sejenis karya sastera yang secara imaginatif mencerminkan idea dan perasaan penyair dan dicipta dengan memfokuskan semua kekuatan bahasa dengan menumpukan komponen fizikal dan mentalnya. Berdasarkan Herman Waluyo (1987), puisi adalah merupakan sebuah karya sastera yang pertama dicipta oleh manusia.

Semiotik ialah bidang kepelbagaian yang luas yang melibatkan kajian tentang pelbagai jenis tanda yang disampaikan melalui pelbagai saluran dan media, sistem tanda yang tersusun secara sosial dan dijana secara evolusi, dan syarat-syarat signifikasi atau semiosis. Berdasarkan Nurul (2019), menjelaskan bahawa semiotik adalah cabang ilmu yang berkaitan dengan menyelidiki tanda dan segala hal yang berkaitan dengan tanda, seperti proses dalam penggunaan tanda dan sistem dalam tanda. Kenyataan ini juga disokong oleh Sobur (2017), yang menyatakan bahawa tanda ialah kesatuan bentuk penanda (signifier) dengan idea atau petanda (signified) kerana kedua-dua unsur itu tidak dapat dipisahkan. Semiotik merupakan lambang atau tanda linguistik dalam bentuk satuan bunyi yang mempunyai makna menurut konvensi masyarakat (Pradopo, 2012).

## Permasalahan Kajian

Masyarakat terutama generasi muda lebih memilih karya yang santai dan ringan sebagai bahan bacaan utama (Datuk Dr Anwar Ridhwan, 2019). Penulis muda kurang menggunakan bahasa yang indah kerana ingin menghasilkan karya yang santai dan ringan. Contohnya seperti puisi Sajak Aku Menjadi Lebih Berani (2000) yang kurang menggunakan unsur semiotik sebagai

keindahan bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana baris pertama hingga baris kedua belas tidak mempunyai unsur semiotik seperti ikon. Menurut pandangan yang dikeluarkan oleh Budiman (2011), ikon bukan sahaja tanda yang terdapat dalam komunikasi visual, tetapi hampir semua bidang semiotik, termasuk bahasa. Berbeza penulis muda yang bernama Tulangkata ini lain dari yang lain kerana beliau banyak menggunakan unsur semiotik seperti ikon, indeks dan simbol untuk memberikan keindahan bahasa dalam penulisan.

Selain itu, tidak banyak kajian atau analisa semiotik yang dilakukan terhadap karya puisi Tulangkata meskipun beliau mempunyai ramai peminat dari generasi muda. Tulangkata selaku penyajak terkenal dengan bukunya SHA (Shakyla, 2021). Maka karya puisi seperti buku puisi SHA yang ditulis oleh seorang penulis puisi muda seperti Tulangkata ini wajar dijadikan sebagai bahan kajian atau analisis kerana karya puisi beliau mempunyai unsur-unsur semiotik seperti simbol.

Berdasarkan hasil kajian lepas, banyak pengkaji menganalisis dari segi semiotik seperti Zurinah Hassan yang mengkaji metafora dan personifikasi dari segi penulisan novel, cerpen dan sebagainya serta kurang menyentuh tentang ikon, indeks dan simbol dalam penulisan puisi. Berdasarkan Arif Mohamad dan Norhayati Ab Rahman (2017), kiasan atau perlambangan dapat dikesan dalam karya prosa Melayu berbentuk novel dan cerpen. Maka itu, penulisan esei ini menggunakan karya-karya penulis Tulangkata iaitu Kisah Hujan, Bagimu Negeri dan Kota II sebagai subjek kajian kerana ditemui banyak menggunakan ikon, indeks dan simbol di dalam karyanya.

### Objektif Kajian

Esei ini bertujuan untuk mengenal pasti unsur alam dalam puisi Kisah Hujan, Bagimu Negeri dan Kota II karya Tulangkata (2020). Selain itu, esei ini turut menganalisis makna ikon, indeks dan simbol yang terdapat dalam puisi Kisah Hujan, Bagimu Negeri dan Kota II karya Tulangkata (2020).

### Tinjauan Literatur

Berdasarkan Ika Sari Rahayu (2021), menyatakan bahawa sebuah karya sastera, baik prosa, mahupun puisi baru dapat mempunyai makna dan menjadi objek estetik bila telah diberi makna oleh masyarakat pembacanya. Setiap puisi pastinya mempunyai perkataan-perkataan yang menjadi simbol atau tanda yang diberi makna sendiri oleh golongan pembaca agar struktur penceritaan atau mesej dalam setiap puisi itu dapat difahami dengan lebih jelas dan mudah. Oleh itu, untuk memberi makna terhadap karya sastera harus terikat pada teks karya sastera sebagai sistem tanda yang mempunyai peraturan tersendiri berdasarkan hakikat karya sastera. Berdasarkan hal tersebut, untuk dapat memahami hakikat karya sastera, ia memerlukan cara-cara yang sesuai dengan sifat hakikat karya sastera.

Tuan Rusmawati Raja Hassan (2021), menyatakan bahawa sesebuah karya yang dihasilkan oleh pengarang mengandungi mesej berguna kepada khalayak. Budaya masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sumber pendidikan dan pembentukan sahsiah manusia telah wujud sejak dulu lagi (Salinah Jaafar, 2017). Kekuatan penulisan jurnal ini adalah, ia menjelaskan terdapat banyak unsur alam yang disaring dan diabadikan dalam karya tradisional, terutamanya puisi Melayu. Hal ini dapat dilihat dalam Muhammad Haji (1984), yang menekankan bahawa manusia Melayu amat peka dan setia kepada alam raya. Hal ini juga dipersetujui oleh Siti Zainon Ismail (1994), yang menyebutkan bahawa seseorang penyair bukan sahaja terpujau dengan alam persekitaran secara lahiriah tetapi mengangkat makna yang lebih daripada itu secara alam batin pula dengan menggunakan unsur alam lewat karya mereka.

Berdasarkan Aulia Zahra Fadhila dan Hidayah Budi Qur'ani (2021), menyatakan bahawa karya sastera merupakan luahan perasaan manusia yang bersifat peribadi. Hal tersebut seperti perasaan, pengalaman, pemikiran, idea, semangat, dan kepercayaan yang wujud dalam bentuk gambaran kehidupan sehingga dapat membangkitkan daya tarikan dengan alat bahasa dan diterangkan dalam bentuk tulisan. Karya sastera itu sendiri mempunyai pelbagai faedah

untuk kehidupan seharian. Salah satu faedahnya ialah untuk memberi kesedaran kepada pembaca tentang kebenaran dan realiti yang wujud dalam kehidupan walaupun hanya digambarkan dalam bentuk fiksi. Karya sastera juga merupakan institusi yang menggunakan bahasa sebagai medium. Menurut Esten (1978), sastera atau kesusasteraan ialah pengungkapan fakta artistik dan imaginatif sebagai manifestasi kehidupan manusia (masyarakat) melalui bahasa sebagai medium dan memberi kesan positif kepada kehidupan manusia (kemanusiaan).

## Analisis

### Ikon

Ikon ialah hubungan persamaan atau dengan kata lain hubungan antara tanda dan penanda yang bersifat semula jadi. Ikon pada puisi Kisah Hujan terdapat pada baris ketiga. Pada baris ketiga tertulis Hujan itu balada. Hujan mempunyai perkaitan yang hampir sama dengan apa yang diwakilinya iaitu tentang perasaan sedih kerana hujan juga seperti air mata manusia ketika bersedih yang turun secara perlahan-lahan hingga menjadi lebat ataupun laju. Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) menerangkan bahawa hujan ialah air yang turun. Hujan digunakan sebagai tanda kesedihan yang menandakan subjek. Subjek tidak hadir secara langsung, namun begitu melalui petanda dan penanda dapat dilihat subjek di sini ialah Si aku. Hal ini dikatakan demikian kerana pada baris keenam tertulis Sedihku yang menunjukkan perasaan sedih itu milik Si aku iaitu penulis. Si aku dapat dikatakan sebagai penulis, dapat juga dikatakan pembaca. Oleh itu, kesedihan tersebut merupakan milik Si aku.

Pada puisi Bagimu Negeri, aspek ikon dalam puisi ini terdapat pada rangkap pertama baris pertama. Rangkap pertama baris pertama tertulis Hati yang kering. Kering mempunyai perkaitan yang hampir sama kepada makna sifat atau keadaan yang sudah habis atau putus. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) menyatakan bahawa kering bermaksud habis atau putus. Kering yang terdapat pada rangkap pertama baris pertama ini digunakan sebagai tanda sifat atau keadaan hati yang menandakan subjek. Melalui petanda dan penanda, dapat dilihat dengan jelas

subjek di sini ialah Si aku. Hal ini dikatakan demikian kerana pada rangkap pertama baris ketiga tertulis itu kata alam pada diriku yang menunjukkan sifat atau keadaan hati yang habis atau putus rasa dengan segala yang berlaku itu milik Si aku iaitu penulis. Si aku dapat dikatakan sebagai penulis, dapat juga dikatakan pembaca. Oleh itu, sifat atau keadaan hati yang tidak peduli dengan segala yang berlaku tersebut merupakan milik Si aku.

Puisi bertajuk Kota 2 pula terdapat aspek ikon pada baris ketiga dan keempat. Baris ketiga tertulis Menumpuk di akar. Akar mempunyai perkaitan yang hampir sama kepada makna asal usul, asal keturunan atau awal usia (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Akar pada baris ketiga ini digunakan bagi menandakan asal usul penulis, pembaca dan masyarakat sekeliling kerana tiada tanda atau penanda dalam puisi ini yang merujuk kepada penulis. Hal ini dikatakan demikian kerana penulis ingin sifat kemanusiaan dalam diri manusia atau masyarakat harus dipupuk dari awal usia. Pada baris keempat pula tertulis Menumpu ke daun-daun. Daun-daun pada baris keempat ini mempunyai perkaitan dengan makna benda yang tumbuh pada sesuatu. Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) memberi maksud daun-daun ialah bahagian yang tumbuh pada batang, dahan, atau akar yang biasanya berhelai-helai dan berwarna hijau. Hal ini dikatakan demikian penulis menjelaskan bahawa sifat kemanusiaan jika ia dipupuk sejak awal usia akan menumbuhkan sifat atau peribadi seseorang manusia yang dapat memberi manfaat atau kebaikan kepada orang lain.

### Indeks

Indeks ialah hubungan kedekatan yang wujud atau tanda yang menunjukkan hubungan sebab akibat. Dalam puisi Kisah Hujan, indeks terdapat pada baris kesepuluh dan kesebelas. Baris kesepuluh sebagai sebab dan baris kesebelas sebagai akibat. Pada baris kesepuluh tertulis Air tuhan itu kelak menikam pundak dan baris kesebelas tertulis Lalu membasahi telapakmu. Air Tuhan dapat difahamkan sebagai hujan ataupun perasaan sedih penulis yang turun akan menyentuh pundak atau bermaksud bahu perempuan istimewa bagi penulis sehingga mengalir turun membasahi

telapak tangan perempuan istimewa itu. Kedua-dua baris ini dapat memberi makna bahawa penulis ingin perempuan yang istimewa baginya itu merasai perasaan sedihnya melalui air hujan yang membasahi telapak tangan perempuan itu.

Puisi bertajuk Bagimu Negeri pula terdapat aspek indeks yang ditemukan pada rangkap keempat baris pertama dan kedua. Baris pertama pada rangkap keempat sebagai sebab dan baris kedua pada rangkap keempat adalah sebagai akibat. Pada rangkap kedua baris pertama tertulis musim sedih tanpa hujan dan pada rangkap keempat baris kedua tertulis negeri tandus tanpa tangis. Hujan yang terdapat pada rangkap keempat baris pertama ini memberi maksud kepada perasaan sedih kerana hujan juga seperti air mata manusia ketika bersedih yang turun secara perlahan-lahan hingga menjadi lebat ataupun laju. Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) menjelaskan bahawa hujan ialah air yang turun. Tandus yang terdapat pada rangkap keempat baris kedua pula memberi makna tanah yang tidak ditumbuhi oleh apa-apa (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Kedua-dua baris ini dapat memberi makna iaitu musim sedih tidak bermakna jika tidak dituruni hujan kerana tangisan sedih dari seseorang manusia tidak akan dapat diluahkan melalui hujan yang turun sehingga membuat orang sekeliling yang berada di tanah yang sama tidak dapat turut merasa perasaan sedih.

Pada puisi Kota 2, aspek indeks terdapat pada baris ketujuh dan kelapan. Baris ketujuh adalah sebab dan baris kelapan adalah akibat. Pada baris ketujuh tertulis Ego dibuang jadi baja dan baris kelapan tertulis Kemaafan kan bikin subur. Baja yang terdapat pada baris ini dapat difahami sebagai manfaat yang dapat menyuburkan sifat kemaafan jika seseorang itu membuang ego di dalam diri. Maksud baja ialah bahan untuk menyuburkan tanaman (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Subur yang terdapat pada baris kelapan pula memberi makna sifat kemaafan akan berkembang dengan baik (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Kedua-dua baris ini dapat memberi makna bahawa kemaafan dalam diri seseorang manusia itu akan berkembang dengan baik sekiranya mereka membuang sifat ego di dalam diri mereka.

## Simbol

Simbol ialah perhubungan yang dibentuk secara konvensional yang biasa digunakan oleh masyarakat. Pada puisi Kisah Hujan, simbol terdapat pada baris ketiga belas. Baris ketiga belas tertulis Memanggilnya rahmat. Rahmat pada baris ini merujuk kepada hujan yang digunakan oleh penulis untuk menggambarkan perasaan sedihnya. Oleh itu, rahmat yang dimaksudkan pada baris ini adalah simbol hujan kerana hujan salah satu rahmat dari Allah S.W.T. Hal ini dikatakan kerana salah satu waktu mustajab untuk berdoa adalah ketika hujan turun. Menurut Azrin Wahid (2021), Imam An-Nawawi berkata, penyebab doa pada waktu hujan tidak ditolak atau jarang ditolak ialah kerana pada saat itu sedang turun rahmat khususnya curahan hujan pertama di awal musim. Oleh itu, penulis juga ingin merujuk rahmat itu kepada nikmat rasa cinta atau rindu yang akan dirasai oleh perempuan yang istimewa bagi penulis apabila perempuan itu merasai perasaan sedih penulis melalui hujan.

Puisi Bagimu Negeri mempunyai aspek simbol yang dapat ditemukan pada rangkap ketiga baris ketiga. Rangkap ketiga baris ketiga tertulis aku di tengah ribut keramaian. Ribut pada rangkap ketiga baris ketiga ini merupakan simbol kepada makna suasana yang bising, gaduh, hingar, huru-hara dan sebagainya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Oleh itu, penulis ingin menjelaskan bahawa Si aku atau penulis yang sedang berada dalam suasana bising atau huru-hara keramaian masyarakat.

Puisi Kota 2 mempunyai aspek simbol yang terdapat pada baris pertama. Baris pertama tertulis Selagi Putrajaya di lantai tanah. Tanah yang terdapat pada baris ini merujuk kepada negeri, daerah ataupun wilayah (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Tanah pada baris ini juga dapat difahami bahawa selagi bandar Putrajaya masih kukuh berdiri di daerah yang benar. Hal ini dikatakan demikian kerana sejarah Putrajaya dahulu bermula dari sebuah tempat atau kampung terpencil dengan nama Prang Besar. Prang Besar berasal dari nama seorang ketua kampung dari perkampungan orang asli yang sanggup berperang dengan orang Cina bintang tiga yang mahu merampas tanah orang

asli bagi membina sebuah kem.

## Kesimpulan

Berdasarkan analisis Semiotik Peirce dalam puisi Kisah Hujan, Bagimu Negeri dan Kota II karya Tulangkata (2020), ketiga-tiganya nampaknya memperlihatkan adanya perkataan unsur alam yang mempunyai teori Semiotik Peirce iaitu ikon, indeks dan simbol. Pada puisi Kisah Hujan unsur semiotik yang paling dominan adalah simbol, manakala pada puisi Bagimu Negeri adalah ikon. Unsur semiotik yang dominan pada puisi Kota II pula adalah ikon. Pada puisi Kisah Hujan mengungkapkan tentang perasaan penulis yang ingin perempuan yang istimewa baginya untuk memahami perasaan sedihnya melalui peristiwa hujan. Sementara pada puisi Bagimu Negeri mengungkapkan penulis merasa dirinya harus banyak menangis agar dapat menghilangkan sifat benci dalam diri. Penulis juga mengingat kembali akan pesan ibunya yang memberitahu bahawa alam banyak mengajar dirinya. Penulis juga tidak suka berada dalam suasana sepi tetapi diri penulis harus berada dalam sepi agar dapat mencari jiwanya yang hilang. Seterusnya pada puisi Kota II pula menjelaskan bahawa sifat kemanusiaan dalam diri manusia harus dipupuk sejak awal usia tanpa sifat paksaan. Penulis juga menjelaskan bahawa ego dalam diri manusia harus dibuang supaya sifat kemaafan dalam diri dapat berkembang. Analisis ini juga telah membuktikan bahawa penulis muda seperti Tulangkata mampu mengekalkan persamaan dengan tokoh penulis puisi Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana hasil karya puisi Tulangkata terdapat banyak perkataan unsur alam yang berfungsi sebagai unsur semiotik seperti ikon, indeks dan simbol. Oleh itu, gaya keindahan bahasa dan estetik dalam karya puisi beliau dikekalkan sama seperti hasil karya puisi tradisional. Berdasarkan analisis yang dilakukan juga mendapati bahawa Tulangkata menghargai alam yang berada dalam kehidupannya. Hal ini dikatakan kerana beliau sering menggunakan perkataan unsur alam dalam hasil karya puisi beliau. Tambahan pula, Tulangkata juga dilihat gemar meluahkan perasaan dan pengalamannya melalui unsur alam dalam puisi beliau. Contohnya beliau meluahkan perasaan sedihnya melalui peristiwa hujan di dalam puisi Kisah Hujan.

Jelaslah bahawa karya puisi Tulangkata menjadi kegemaran generasi muda pada masa kini kerana beliau masih mengekalkan keindahan bahasa serta nilai estetik puisi melalui perkataan unsur alam yang berfungsi sebagai ikon, indeks dan simbol dalam penulisan puisinya.

## Rujukan

- Abdul Halim Ali, & Ahmad Zainuri Loap Ahmad. (2010). Warna hitam dalam sajak Usman Awang dan Mila Karlo: Satu analisis semiotik Charles Sander Peirce. *Jurnal Peradaban Melayu*, 6, 25–33. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/3389/2310>
- Adam Mohd Salehuddin, & Nasir Baharuddin. (2017). Analisis pendekatan semiotik terhadap karya “Pembukaan” (2013) oleh Mohd Fuad Arif. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 5, 38–46. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPP/article/download/2267/1589/>
- Afrilia Wahyuni Eka Pertiwi, Fahira Zhazha Madinah, & Ririn Wulandari. (2018). Estetika antologi puisi-puisi pujangga baru. *Gondang: Jurnal Seni dan Budaya*, 2(1), 1-11. <https://jurnal.unimed.ac.id/2012/index.php/GDG/article/view/9762>
- Akmaliza Abdullah, & Abdul Latif HJ. Samian. (2017). Unsur-unsur alam dalam pendidikan akhlak masyarakat Melayu menerusi beberapa karya Raja Ali Haji. *Jurnal Hadhari*, 9(2), 353-365. <http://journalarticle.ukm.my/11349/>
- Arif Mohamad, & Norhayati Ab Rahman. (2017). Dimensi politik secara metafora Melayu dalam novel Anak Mat Lela Gila. *Jurnal Pengajian Melayu*, 28, 49-52. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9613/6777>
- Aulia Zahra Fadhila, & Hidayah Budi Qur’ani. (2021). Kajian semiotik puisi “Dalam Doaku” karya Sapardi Djoko Damono. *FKIP Pendidikan Bahasa Indonesia, Universitas Muhammadiyah Malang*, 5(2), 2-5. <https://jurnal.unigal.ac.id/index.php/literasi/article/download/5740/4097>
- Azrin Wahid. (2 Mei 2021). Benarkah di setiap titisan hujan, tersembunyi rahmat Allah? Ikuti penjelasannya. *UtusanTV*. <https://utusan.com/2021/05/02/benarkah-di-setiap-titisan-hujan-tersembunyi-rahmat-allah-ikuti-penjasannya/>
- Budi Setia Pribadi, & Dida Firmansyah. (2019). Analisis semiotik pada puisi “Barangkali Karena Bulan” karya Ws. Rendra. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 2(2), 269-274. <https://journal.ikipsiliwangi.ac.id/index.php/parole/article/download/2737/pdf>



- Hasan Haji Hamzah. (1996). *Ensiklopedia Malaysiana*. Anzagain Sdn. Bhd. Ika Sari Rahayu. (2021). Analisis kajian semiotika dalam puisi Chairil Anwar menggunakan teori Charles Sanders Peirce. *Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 15(1), 31-35. <https://journal.ubm.ac.id/index.php/semiotika/article/download/2498/2088>
- Nurhafizah Maidin. (7 Mac 2019). Karya bahasa rojak jejas generasi muda. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2019/03/538402/karya-bahasa-rojak-jejas-generasi-muda>
- Shakyla. (2021). Senarai putar hujung minggu 37/21. *Junklist Portal Muzik Alternatif Malaysia*. <https://junklist.my/frekuensi/senarai-putar-hujung-minggu-37-21/>
- Shuhairy Norhisham. (27 Ogos 2020). Cara menulis tinjauan literatur. *Pascasiswazah*. [https://www.pascasiswazah.com/cara-menulis-tinjauan-Sides-Tarigan, & Henry Guntur. \(1986\). Menulis sebagai suatu keterampilan berbahasa Angkasa](https://www.pascasiswazah.com/cara-menulis-tinjauan-Sides-Tarigan, & Henry Guntur. (1986). Menulis sebagai suatu keterampilan berbahasa Angkasa)
- Teuku Iskandar. (2021). *Kamus Dewan edisi keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Tulangkata. (2014). Sembilan puluh sembilan puisi. *Merpati Jingga*.
- Tulangkata. (2020). SHA. *Merpati Jingga*. Wiyatmi. (2006). *Pengantar kajian sastra*. Yogyakarta Pustaka. Za'ba. (1934). *Pelita mengarang: Ilmu mengarang Melayu*. Amalmaster (M) Sdn Bhd. Zurinah Hassan. (2010). *Puisi Melayu moden: Kajian teori pengkaedahan Melayu*. Jabatan Kesusasteraan Melayu.
- Wiyatmi. (2006). *Pengantar kajian sastra*. Yogyakarta Pustaka.
- Za'ba. (1934). *Pelita mengarang: Ilmu mengarang Melayu*. Amalmaster (M) Sdn Bhd.
- Zurinah Hassan. (2010). *Puisi Melayu moden: Kajian teori pengkaedahan Melayu*. Jabatan Kesusasteraan Melayu.
- Aina' Rasyidah Samsuddin, & Hapsah Md Yusof. (2020). Penggunaan gajet terhadap perkembangan kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9, 113-126. <https://ejournal.upsi.edu.my/journal/JPAK>
- Husen Mulachela. (24 Januari 2022). Metafora adalah gaya bahasa kiasan, ini fungsi dan contohnya. *Katadata*. <https://katadata.co.id/intan/berita/61eed4da0e434/metafora-adalah-gaya-bahasa-kiasan-ini-fungsi-dan-contohnya>
- Liliy Salwani Razali, Shaiful Bahri, & Nik Rafidah. (2020). Kefungsian gaya bahasa perulangan dalam Puisi Lisan Melayu. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*, 7(2), 20-36. <https://journalfbmk.upm.edu.my/ojs3/index.php/mahawangsa/article/view/495>
- Maszureen Hadzman. (13 Januari 2022). Sukar kesan individu dedah maklumat dalam media sosial. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/terkini/2022/01/sukar-kesan-individu-dedah-maklumat-dalam-media-sosial/>
- Mohd Shahrizal Nasir. (1 November 2021). Bukti kekuasaan Allah. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2021/11/772578/bukti-kekuasaan-allahe1s>
- Nurulain Abdul Razak, & Che Ibrahim Salleh. (2016). Retorik naratif dalam novel Orang Kota Bharu. *International Journal Of The Malay World And Civilisation*, 4(2), 13-22. <http://dx.doi.org/10.17576/iman-2016-0402-02>
- Oktarina. (2021). Analisis struktur retorika novel Titian Nabi Karya Muhammad Mansyur A.R Said. *Jurnal Multidisiplin Madani (MUDIMA)*, 1(3), 301-318. <https://doi.org/10.55927/mudima.v1i3.54>
- Rahmah Osman, & Mohd Shahrizal Nasir. (2013). Unsur-unsur retorik dalam puisi Melayu Al-Amin karya A. Samad Said. *Jurnal Usuluddin*, 37, 117-150. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/7463>
- Siti Norsyahida, & Nor Azuwan Yaakob. (2017). Jenis bahasa sindiran dalam ujaran vlog. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 7, 17-29. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v7.511>
- Zakaria Stapa. (21 September 2020). Kematian: Janji yang sudah pasti. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/09/622711/kematian-janji-yang-sudah-pasti>
- Zurinah Hassan. (2014). *Kumpulan puisi cerita dalam puisi*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim  
Rektor  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Perak



Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK  
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

**SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN**  
Timbalan Ketua Pustakawan

*nar*

*Setuju.*

*27.1.2023*

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM  
REKTOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERAK  
KAMPUS SERI ISKANDAR